

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG
[TANJONG MALIM]

SOALAN

TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM] minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** minta menyatakan sama ada cara terbaik untuk mengawal masalah jerebu adalah membina empangan-empangan setiap 3km sepanjang tali air di kawasan yang mengalami kebakaran tanah gambut menjelang musim kering di Kalimantan, agar paras air dalam tanah dapat ditingkatkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam menangani isu jerebu, MESTECC melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mempertingkatkan penguatkuasaan ke atas kes pembakaran terbuka di kawasan tanah gambut, tapak pelupusan sampah dan lain-lain yang sering terbakar dengan mengadakan operasi bersepadu dengan agensi agensi Kerajaan dan Pihak Berkuasa Tempatan.

MESTECC juga melalui Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) telah melakukan pembenihan awan bagi mengatasi masalah jerebu di Malaysia akibat pembakaran hutan dari luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dari segi pencegahan dan pemadaman kebakaran, kaedah pembinaan telaga tiub dan sekatan saluran adalah antara infrastruktur yang dilihat paling berkesan bagi mencegah dan memadam kebakaran tanah gambut, pada masa kini.

Kaedah ini memang sentiasa digunakan untuk mencegah berlakunya kebakaran tanah gambus yang berleluasa. Namun begitu, kerap kali didapati bahawa kebakaran yang berlaku semasa musim kemarau juga bermakna paras air bawah tanah yang turut kering dan tidak mencukupi untuk memadamkan api.

Oleh itu, langkah jangka masa panjang untuk menangani jerebu yang akan dijalankan oleh MESTECC ialah kami akan memberi sokongan untuk mempertingkatkan R&D bagi meningkatkan keupayaan teknologi dan pembangunan kaedah yang efektif untuk mencegah ataupun memadam kebakaran di kawasan tanah gambut (*peat fire*). Untuk tahun 2020, RM 3 juta dana R&D MESTECC akan diperuntukkan untuk tujuan ini.

Untuk makluman dewan yang mulia ini,

Kebakaran tanah gambut bukan sahaja memberi impak negatif kepada kualiti udara, bahkan menambah kepada pelepasan gas rumah kaca. Dalam tempoh sepuluh tahun di antara 1997 dan 2006, purata pelepasan gas rumah kaca tahunan akibat daripada kebakaran tanah gambut di Indonesia adalah 5-6 kali ganda jumlah keseluruhan pelepasan tahunan gas rumah kaca Malaysia. Jumlah pelepasan gas rumah kaca akibat kebakaran tanah gambut sedunia ialah lebih kurang 3% daripada jumlah pelepas gas rumah kaca sedunia.

NO. SOALAN : 310

Oleh sebab itu, Kementerian juga dalam proses mengenal pasti sumber-sumber kewangan dan institusi antarabangsa yang sudi menghulurkan dana bagi tujuan R&D tersebut. Pada masa kini, kaedah-kaedah yang digunakan oleh negara-negara untuk mencegah dan memadam kebakaran tanah gambut adalah bersifat konvensional dan berteknologi lama. Tiada banyak inovasi dalam bidang ini.

Kami berharap dengan R&D *seed fund* dari MESTECC dan dorongan Malaysia untuk kerjasama R&D peringkat antara bangsa, kaedah yang lebih efektif, murah dan *scalable* (dengan izin) dapat dicari dengan secepat mungkin.

Sekian, terima kasih.